



**KENYATAAN SEBUT HARGA**  
**JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI PERAK DAN KEDAH**

Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH DAN MASA PETI TAWARAN DITUTUP
JAKOA/ PK/SH/20 26/01	<b>KERJA MENURAP SEMULA JALAN PREMIX SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOA SG. PELANTUK, DAERAH KUALA KANGSAR, PERAK</b>	CIDB : Gred G2 (Negeri Perak)  Kategori :  CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)  Pengkhususan :  <b>CE01</b> (Pembinaan Jalan dan Pavemen)  <b>CE21</b> (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	<b>2hb April 2026</b> (Khamis)  (Pendaftaran) 10.00 Pagi hingga 11.00 pagi  (Taklimat Dan Lawatan Tapak Di Dewan Terbuka KOA Sg. Pelantuk) 11.00 pagi hingga selesai  <b>Telefon:</b>  05-203 2000 (JAKOA Daerah Kuala Kangsar)	Dokumen Sebut Harga akan diedarkan selepas sesi <b>TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK</b> kepada kontraktor yang <b>HADIR</b> sahaja.	<b>08 April 2026</b> (Rabu)  <b>Jam:</b>  12.00 Tengah Hari

**Arahan dan Syarat-syarat Menyertai Sebut Harga :**

- Hanya **PENAMA** yang tercatat dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat sebut harga. Kontraktor/Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain dari penama sijil tersebut. **SURAT WAKIL TIDAK AKAN DITERIMA SAMA SEKALI**. Kegagalan tuan/puan menyertai taklimat tersebut menyebabkan penyertaan tuan/puan akan **DITOLAK**. Kontraktor/syarikat adalah digalakkan untuk turut sama menyertai lawatan tapak selepas taklimat diadakan.
- Untuk maksud ini kontraktor/ syarikat hendaklah membawa bersama **SIJIL ASAL DAN SALINAN** bagi :-
  - Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (PKK);
  - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
  - Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB);
  - Sijil Tax Compliance Certificate (TCC) yang mematuhi.
- Penyebutharga adalah diingatkan supaya mencatat dengan jelas harga yang ditawarkan di ruangan yang disediakan.
- Dokumen sebutharga yang **LEWAT** tidak akan dipertimbangkan. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor sebutharga **JAKOA/PK/SH/2026/01** di sebelah atas kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di:

**JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI PERAK DAN KEDAH,**  
**TINGKAT 2, BLOK A, BANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,**  
**JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,**  
**30000 IPOH, PERAK.**

5. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN.

6. Jika dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER**, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	E-MEL	BAHAGIAN
1	Puan Noor Lyana bt Mat Isa	05 254 0009 ext 116	<a href="mailto:noorlyana@jako.gov.my">noorlyana@jako.gov.my</a>	Unit Perolehan JAKOA Negeri Perak dan Kedah

\*Tarikh Iklan : 26hb Mac 2026